

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING
[TAIPING]**

SOALAN : 195

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kedudukan terkini perancangan pembangunan loji kuasa nuklear, lokasi cadangan loji dan berapakah jumlah kos yang dijangka dalam pembangunan loji-loji tersebut.

JAWAPAN: Y.B. DATUK SERI MAH SIEW KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Sehingga kini, Kerajaan masih belum membuat sebarang keputusan untuk pembinaan loji janakuasa nuklear di Malaysia.

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dari tahun 2011 hingga 2015, siri kajian yang telah dilaksanakan mengenai tenaga nuklear meliputi empat aspek utama, iaitu:

1. Kajian Perundangan dan Kawalseliaan atau *Legal and Regulatory Study*, termasuk penyediaan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kawalseliaan Kuasa Nuklear atau *Nuclear Power Regulatory Infrastructure Development Plan* (NPRIDP);
2. Penyediaan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kuasa Nuklear atau *Nuclear Power Infrastructure Development Plan* (NPIDP);
3. Kajian Kemungkinan atau *Feasibility Study*; dan,
4. Kajian pendapat umum dan penyediaan Pelan Komunikasi Komprehensif.

Untuk Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11), tumpuan utama adalah kepada komunikasi awam mengenai keperluan dan perbekalan tenaga negara, termasuk tenaga nuklear dan sumber-sumber lain. Komunikasi awam mengenai tenaga nuklear adalah berdasarkan kajian pendapat umum dan Pelan Komunikasi Komprehensif mengenai tenaga nuklear yang telah disediakan dari tahun 2015 hingga 2016.

Permulaan pelaksanaan NPRIDP, NPIDP serta Pelan Komunikasi Komprehensif mengenai tenaga nuklear tersebut juga adalah termasuk dalam Kertas Strategi nombor 17 bertajuk Penggunaan Tenaga yang Mampan bagi Menyokong Pertumbuhan di bawah RMK11, khususnya pembangunan modal insan serta kajian susulan mengenai keupayaan modal insan dan industri sokongan negara.

Sehingga kini, kajian pemilihan tapak itu masih ditangguhkan dan belum dimulakan.

Anggaran kos loji janakuasa nuklear yang dinyatakan dalam buku Program Transformasi Ekonomi (ETP) bagi dua (2) unit loji berkeupayaan 1,000 Megawatt setiap satu, di bawah Projek Permulaan atau *Entry Point Project* (EPP) nombor 11 bagi Penggunaan Tenaga Nuklear untuk Penjanaan Elektrik dalam sektor Minyak, Tenaga dan Gas, adalah RM 21.3 billion. Namun, anggaran kos ini adalah berdasarkan kos loji berkenaan sahaja, atau *overnight cost*, pada masa itu, iaitu Oktober 2010, dan tidak termasuk kos pembiayaan atau *cost of financing*.

Kos sebenar adalah bergantung kepada kaedah dan kos pembiayaan. Anggaran kos yang terperinci untuk pembinaan loji janakuasa nuklear perlu kajian lanjut mengikut perkembangan terkini projek-projek loji janakuasa nuklear di dunia. Perubahan kadar tukaran matawang asing juga perlu kajian lanjut.

Daya saing loji janakuasa nuklear dengan loji-loji janakuasa elektrik menggunakan sumber-sumber tenaga lain dari segi kos penjanaan

juga perlu kajian lanjut, terutamanya dari segi perkembangan semasa harga pasaran arang batu, minyak dan gas asli sedunia.

Sekian, terima kasih.